

OLIGARKI DALAM POLITIK INDONESIA DI BAWAH PEMERINTAHAN JOKOWI

(*OLIGARCHY IN POLITICS OF INDONESIA UNDER JOKOWI*)

Ahmad Syakir Salman Salleh @ Abdul Latif ¹

Ku Nurul Atiqah Ku Ahamad ²

Muhammad Azril Izuan Ramlan ³

Muhammad Firdaus Daud ⁴

Mohamed Shafiq Mohamed Ayub ⁵

Rosdi Safian ⁶

Siti Faidul Maisarah Abdullah ⁷

Noor Ashmalia Mohd Ashraff ⁸

Abstract

This research conducted regarding of issues towards the implementation of oligarchy in politics of Indonesia under Jokowi Era. The change of leadership began in the New Order, post New Order until the Jokowi era witnessed the strengthening of the influence of oligarchy in government of Indonesia. This study traces the political oligarchy before and after the Jokowi Era in Indonesia. Some respondents were selected as a sample of the study. Data collection is based on an interview conducted to leverage content analysis methods. In accordance with the purpose of the study, this study uses the oligarchy concept as analytical tool. The study found that Jokowi used the practice of political oligarchy to remain in power. This action has had an impact on Indonesian politics.

Keywords: *oligarchy, New Order, Jokowi Era.*

¹ Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UITM), Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: ahmadsyagir@uitm.edu.my

² Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UITM), Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: kunurul@uitm.edu.my

³ Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UITM), Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: azrilizuan@uitm.edu.my

⁴ Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UITM), Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: firdausdaud@uitm.edu.my

⁵ Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UITM), Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: mshafiq@uitm.edu.my

⁶ Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UITM), Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: rosdi2290@uitm.edu.my

⁷ Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UITM), Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: maisarah842@uitm.edu.my

⁸ Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UITM), Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: ashmalia295@uitm.edu.my

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai isu-isu amalan oligarki politik dalam politik Indonesia di bawah pemerintahan Jokowi. Perubahan pucuk pimpinan bermula Orde Baru, pasca Orde Baru hingga era Jokowi menyaksikan pengukuhan pengaruh oligarki dalam pemerintahan kerajaan di Indonesia. Kajian ini menelusuri oligarki politik sebelum dan selepas pemerintahan Jokowi terhadap negara Indonesia. Beberapa orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Pengumpulan data adalah berasaskan temuramah yang dilaksanakan bagi memanfaatkan kaedah analisis kandungan. Sesuai dengan tujuan kajian, kajian ini menggunakan konsep oligarki sebagai alat analisis. Kajian ini mendapati untuk mengukuhkan kekuasaan, Jokowi menggunakan amalan oligarki politik untuk terus kekal berkuasa. Tindakannya ini telah memberikan impak terhadap politik Indonesia.

Keywords: *oligarki, Orde Baru, era Jokowi.*

2017 JHLCB

Pengenalan

Pemerintahan yang ideal sering dikaitkan dengan pemerintahan berbentuk demokrasi. Demokrasi disifatkan sebagai kerajaan yang dikuasai oleh rakyat di mana kuasa yang tertinggi terletak pada rakyat. Kenyataan ini dikukuhkan dengan memetik kata dari Abraham Lincoln (1996: 37) menyatakan demokrasi ialah kerajaan “*of the people, by the people and for the people*”. Satu aspek yang ditekankan oleh demokrasi ialah kebebasan. Lantaran itu, demokrasi sering sinonim dengan kebebasan. Rakyat bebas untuk bersuara tanpa sekatan ataupun kawalan daripada pihak kerajaan. Malah, dalam sesebuah negara demokrasi, kerajaan hanyalah salah satu dari *social fabrics* di samping institusi-institusi lain seperti parti-parti politik, organisasi dan persatuan. Namun, wujud perdebatan sejauh mana bentuk konsep pemerintahan ideal ini dapat diterjemahkan dalam lanskap politik khususnya di negara-negara membangun yang bergelut dalam arus pendemokrasian. Realitinya, negara-negara membangun sering berdepan dengan amalan diktator dan oligarki yang mengeruhkan pembentukan sistem demokrasi.

Oligarki bukan sahaja terhad kepada perlembagaan, namun kerencaman amalan ini dapat dilihat melalui kumpulan yang kecil, elit-elit politik, golongan kapitalis, melalui kehakiman, eksekutif dan fungsi perundangan kerajaan dalam sesebuah pemerintahan. Hujah ini menunjukkan pemerintahan oligarki tidak hanya mempunyai hubungan simbiosis di antara ahli politik dengan golongan kapitalis semata-mata, tetapi melalui golongan elit serta golongan birokrasi. Amalan oligarki ini dapat dilihat turut berlaku di dalam sistem pemerintahan Indonesia bermula dari era pemerintahan Presiden Soeharto yang telah dikaitkan dengan beberapa skandal rasuah dengan elit kapitalis berterusan sehingga pemerintahan kerajaan Indonesia oleh Presiden Jokowi. Menurut Hadiz (2004: 40), bibit-bibit oligarki berkembang sejak era tahun 1950-an apabila pemerintah cuba memperkenalkan ekonomi negara yang berpusat. Agihan ekonomi diagihkan kepada kroni-kroni pemerintah melalui amalan oligarki.

Justeru itu, kajian ini membincangkan penerapan amalan oligarki politik, khususnya dalam era pemerintahan Jokowi di Indonesia. Fokus penelitian kajian ini ialah menelusuri latar belakang perkembangan oligarki di Indonesia dan impaknya terhadap perjalanan politik di Indonesia di zaman pemerintahan Jokowi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi deskriptif dan interpretif untuk menganalisis oligarki dalam pemerintahan Jokowi serta perjalanan politik Indonesia. Manfaat daripada kaedah kualitatif ini dilandaskan lebih menjawab tema utama kajian bagi memberikan penjelasan yang bersikap kolektif. Kaedah kualitatif yang diguna pakai dalam kajian ini memberikan pemfokusan dengan memilih 30 orang responden untuk disoal selidik. Responden dalam kajian ini telah datang dari satu lokasi sahaja – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak. Penyelidik memilih Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak kerana terdapatnya sebilangan pelajar dari Indonesia yang berkaitan dengan kajian ini serta sesuai dengan kerangka waktu dan sumber penyelidikan. Seterusnya, beberapa orang responden terpilih telah ditemu ramah bagi mendapatkan lebih perincian maklumat terhadap keputusan kajian yang dijalankan. Artikel, buku, penerbitan penyelidikan, laporan kerajaan, artikel akhbar merupakan sumber sekunder utama yang digunakan dalam kajian ini. Data primer dan sekunder dianalisis dan ditafsirkan berdasarkan peristiwa dan isu yang berkaitan dengan kajian ini bagi mendapatkan perincian maklumat yang lebih jelas dan tepat.

Jokowi Sebagai Presiden Indonesia: Latar Belakang Ringkas

Setelah meneliti beberapa kepimpinan terdahulu, Indonesia dilihat masih terikat dengan amalan oligarki setelah mencapai kemerdekaannya daripada penjajahan Belanda. Meskipun mempunyai pemimpin dalam kalangan masyarakat tempatan namun, politik Indonesia dilihat masih berada di radar yang sama. Hal ini dapat dilihat pertamanya melalui dua pemerintah Indonesia yang bersikap autokratik iaitu melalui Presiden Soekarno serta Presiden Soeharto. Seterusnya, reformasi yang memberi keterbukaan serta kebebasan yang dilaksanakan oleh Habibie tidak menjadikan politik Indonesia berubah dalam kadar yang sepenuhnya. Sebaliknya, dinamika politik di Indonesia dilihat tidak jauh berubah dari pimpinan sebelumnya. Dalam menilai kredibiliti serta kelayakan dalam sebuah kepimpinan, kepercayaan yang diberikan melalui sokongan rakyat menjadikan seseorang pemimpin itu mempunyai kuasa pada hari ini bagi mewujudkan keseimbangan dalam agenda transformasi negara. Hal ini adalah dengan melihat ketrampilan serta aura yang lahir dari dalam diri seorang pemimpin itu. Sebagai contoh, Jokowi dilihat sebagai seorang pemimpin biasa yang mempunyai kelebihan dan bakat kepimpinan yang membuka kepercayaan rakyat bagi memberi ruang serta peluang buat beliau untuk memimpin. Hasilnya, kepimpinan Jokowi telah dijanjikan dengan pelbagai transformasi. Namun begitu, kepercayaan yang dibina telah diruntuhkan dengan wujudnya isu-isu amalan oligarki politik yang masih berterusan.

Pada 9 Julai 2014, Pemilihan Umum Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia Tahun 2014 (Pilpres 2014) telah diadakan. Pemilihan umum ini akhirnya telah dimenangi oleh pasangan Joko Widodo-Jusuf Kalla dengan memperoleh undian sebanyak 53.15% sekaligus mengalahkan lawannya, pasangan Prabowo Subianto-Hatta Rajasa yang hanya memperoleh undian sebanyak 46.85%. Presiden dan wakil Presiden yang terpilih telah dilantik pada tarikh 20 Oktober 2014 seterusnya menggantikan pemerintahan ditinggalkan oleh Susilo Bambang Yudhoyono. Selepas pengumuman kemenangannya, Jokowi telah mengatakan bahawa “seumur hidupnya di bawah pemerintahan Orde Baru, beliau tidak pernah membayangkan seseorang berlatar kelas bawah sepertinya diberi peluang untuk menjadi presiden” (The Jakarta Post 22 Julai 2014). Perkara yang menarik dan menjadi perhatian adalah apabila Jokowi merupakan presiden Indonesia yang pertama yang bukannya berlatar belakangkan sama ada dari kalangan tentera atau elit politik yang terkait dengan Soeharto. Oleh itu, perkaitan yang cuba ditunjukkan adalah bagaimana seseorang yang tidak mempunyai perkaitan serta pengaruh Soeharto namun, masih lagi meneruskan pengaruh oligarki politik dalam pemerintahan di Indonesia.

Oligarki Politik dalam Era Pemerintahan Jokowi

Pengukuhan Kekuasaan Melalui Sokongan Parti

Populariti yang dikecapi oleh Jokowi telah membuatkan beliau dihormati terutama dalam kalangan ahli di dalam parti. Hal ini dapat dilihat setelah Jokowi diberi peluang untuk mewakili ahli partinya bagi jawatan Presiden Indonesia itu meskipun jika dilihat kepada latar belakang beliau yang tidak mempunyai kaitan ketenteraan mahupun elit-elit politik. Justeru itu, perkara ini antara faktor yang mengakibatkan masyarakat Indonesia mengangkat beliau sebagai pemimpin terutamanya kerana sikapnya cukup disenangi oleh rakyat Indonesia. Namun begitu, setelah berjaya memenangi jawatan selaku Presiden hasil daripada kekuatan sokongan yang diraih terutamanya melihat kepada kepercayaan oleh ahli-ahli partinya, Jokowi telah bertindak mengukuhkan kekuatan parti-parti terlebih dahulu dalam usaha mengukuhkan kekuasaannya. Meskipun tindakan ini dilihat sebagai usaha beliau dalam membalas kepercayaan ahli partinya namun, bagi pemerhati luar melihat tindakan ini sebagai satu usaha oleh beliau dalam mengekalkan pengaruh dan kuasa yang menjurus kepada amalan oligarki politik. Dalam CNN Indonesia (2016), Partai Amanat Nasional, Tjatur Sapto Edy telah memberikan nasihat kepada Presiden Joko Widodo supaya menjaga kestabilan politik semasa pemerintahannya. Hal ini adalah kerana keseluruhan parti politik di Indonesia dilihat semakin menyerupai bentuk pemerintahan Joko Widodo dan Jusuf Kalla.

Menurut Tjatur lagi, pemerintahan tidak akan menjadi stabil sekiranya terlalu banyak parti politik yang berada di luar pemerintah, sebaliknya oligarki politik terlahir sekiranya parti-parti politik berada di dalam dan menyokong pemerintahan. Oleh yang demikian, Tjatur menambah dengan mengatakan bahawa “maka keseimbangan menjadi seni yang harus dimiliki oleh Presiden Jokowi”.

Melihat kepada situasi ini, oligarki politik dilihat mula terbentuk dalam pimpinan oleh Presiden Jokowi meskipun latar belakang beliau tidak dipengaruhi dengan wujudnya hubungan melalui elit-elit politik. Namun begitu, hakikat yang tidak dapat diketepikan adalah apabila melihat kembali kepada kemenangan yang diraih oleh beliau kebanyakannya adalah menerusi sokongan dan dokongan elit-elit politik yang berterusan.

Skandal Rasuah

Dalam sains politik, idea anti-rasuah dalam arus perdana dibangunkan menerusi teori principal-agent. Teori ini melihat rasuah sebagai ejen pengkhianat kepada mandat yang diberikan oleh rakyatnya. Dalam rasuah politik, rasuah yang dilakukan oleh ahli politik atau ejen ahli politik adalah satu pengkhianatan kepada rakyat yang di kelaskan sebagai ketua yang telah memberikan mandat kepada wakil rakyat dalam pilihan raya. Selari dengan teori ini, Robert Klitgaard (1988:75) membuat rumusan rasuah yang sangat terkenal iaitu $C = M + D - A$ (Rasuah = Monipoli + Budi bicara – Akauntabiliti). Berpaksikan teori ini, program anti-rasuah yang direka untuk mengurangkan monopoli kuasa dan bidang kuasa serta meningkatkan akauntabiliti. Berdasarkan teori Klitgaard, untuk mengurangkan rasuah, ketua organisasi perlu memastikan kuasa ejen dibataskan. Untuk memperkuatkan akauntabiliti, pengukuhan undang-undang perlu diperkuatkan melalui program reformasi dalam membentuk institusi perundangan bersifat bebas. Suruhanjaya pembersihan rasuah (KPK) adalah salah satu contoh pertubuhan yang dilakukan hasil daripada reformasi undang-undang yang dijalankan di Indonesia dalam menangani rasuah.

Dalam mengaplikasikan teori ini dalam konteks Indonesia, Mcleod (2011) menegaskan kegagalan untuk membasmi rasuah di Indonesia kerana pengurusan sektor awam tidak ditangani secara efisien. Oleh itu, nafas baharu yang digalas oleh Jokowi dari parti PDIP setelah memenangi pilihan raya presiden 2014 merupakan kajian kes yang sangat menarik kerana beliau satu-satunya presiden yang tidak datang dari elit politik lama yang menguasai politik Indonesia. Walaupun terdapat banyak pihak dalam kalangan PDIP yang masih berkeras untuk menolak dan inginkan mencalon Megawati sebagai presiden walaupun menyedari peluangnya adalah tipis. Walau bagaimanapun, disebabkan Jokowi tidak berlatar belakang dari golongan elit, Jokowi dilihat mempunyai had-had apabila berurusan dengan pelbagai golongan elit politik yang lain. Ini memberikan gambaran bahawa beliau ditekan oleh Surya Paloh dan Megawati.

Fenomena kemunculan golongan elit oligarki dalam era Jokowi boleh dilihat melalui kenyataan Hadiz & Robinson (2013:38) bahawa “oligarki adalah satu sistem di mana hubungan kuasa yang membolehkan pemusatan kekayaan dan kuasa kolektifnya... perkembangan oligarki difahami dalam konteks pembangunan kapitalis yang sedang rancak berkembang, terutamanya yang berlaku di negara-negara kapitalis”. Kenyataan ini menggambarkan bagaimana sekutu daripada pelbagai kepentingan dalam politik mahupun elit kapitalis yang mekar wujud dalam Orde Baru yang telah dipegang kukuh melalui pemerintahan autokratik merupakan punca elit-elit kecil dalam tempoh tersebut telah berjaya mengumpul kekayaan negara melalui hubungan yang dijalankan di antara mereka.

Perkara ini dapat dinilai melalui pemerintahan Jokowi melalui pemilihan Ketua Polis Negara. Pencalonan Budi Gunawan sebagai Ketua Polis oleh Presiden Jokowi telah mencetuskan bantahan yang meluas di seluruh Indonesia khususnya protes yang dilakukan oleh golongan kelas menengah. Pencalonan Budi ini telah meninggalkan persoalan mengapa Jokowi mencalonkan pemimpin yang mempunyai masalah berkaitan isu skandal rasuah tersebut. Sebaliknya, Jokowi boleh memilih calon-calon lain yang lebih berpotensi. Justeru itu, terdapat dua hujah yang tersebar mengapa Jokowi memilih Budi Gunawan. Pertama, hujah yang diketengahkan ialah terdapat individu daripada elit atau pemimpin oligark yang memberi cadangan kepada Jokowi. Hal ini menjadi kukuh apabila Budi Gunawan mempunyai hubungan yang rapat dengan Megawati yang jelas mengamalkan oligarki semasa pemerintahannya. Budi Gunawan telah menjadi pembantu Megawati semasa beliau menjadi presiden.

Di samping itu, parti PDIP juga aktif memberikan sokongan kepada Budi Gunawan. Oleh itu, ketika Jokowi tidak melantik Budi Gunawan setelah mendapatkan persetujuan dari DPR (Dewan Perwakilan Rakyat), sebilangan ahli parti PDIP menyampaikan kritikan secara terbuka kepada Jokowi. Dalam proses pemilihan ini, parti PDIP bersikap seperti parti pembangkang dan bukannya parti yang mendokong pemerintah. Tuntasnya, Jokowi memilih Budi Gunawan kerana terhadnya kuasa melawan tekanan daripada kumpulan oligark ini.

Hujah kedua yang dibahaskan melalui pencalonan Budi Gunawan ini didorong sebagai pampasan di atas pelantikan Luhut Panjaitan sebagai Ketua Turus Presiden oleh Jokowi. Luhut tidak disukai oleh golongan elit lain. Jusuf Kalla sendiri menyatakan penentangan beliau ke atas jawatan Luhut. Bagi mengembirakan golongan oligark ini, maka Jokowi telah meluluskan Budi Gunawan sebagai Ketua Polis Negara. Budi Gunawan bukan sahaja dikhabarkan mempunyai hubungan rapat dengan Megawati, tetapi juga penyumbang besar dalam usaha menggandingkan Jokowi dan Jusuf Kalla sebagai calon Presiden dan timbalan Presiden dalam pemilihan presiden pada tahun 2014. Impaknya, sehari setelah Jokowi menetapkan Budi Gunawan sebagai calon Ketua Polis Negara, Suruhanjaya Pencegah Rasuah (KPK) menetapkan Budi Gunawan sebagai individu yang terlibat dalam kes rasuah dan penyelewengan wang. Budi Gunawan memiliki simpanan peribadi dalam jumlah jutaan dollar iaitu sesuatu yang tidak masuk akal kerana gaji seorang pegawai hanya menerima sebanyak Rp. 7 juta sebulan. Manakala, jumlah pendapatan rasminya pada tahun 2008 adalah sebanyak Rp. 900 juta dan pada tahun 2013 sebanyak Rp. 560 juta, manakala isterinya mempunyai gaji sebanyak Rp. 120 juta setahun (Dick & Mulholland: 2016).

Majalah Tempo mendedahkan laporan penyiasatan tentang skandal yang mencurigakan oleh Budi Gunawan. Dalam laporan tersebut, suspek dikaitkan dengan Budi Gunawan yang mampu mengumpulkan kekayaan sedemikian rupa apabila beliau bertindak sebagai pembantu kepada Presiden Megawati dari tahun 2001 hingga 2004. Berlakunya penyelewengan ketika beliau menjadi ketua jabatan pembangunan negara. Secara keseluruhannya, kekayaan yang dimilikinya dan termasuk anaknya, Nerviano Widyatama sejak dari tahun 2004 mencapai Rp. 111.4 bilion (Dick & Mulholland: 2016). Antara alasan Budi Gunawan dalam menangkis tuduhan ini ialah sumber kewangan itu datangnya daripada perniagaan keluarganya. Namun, pengakuan ini tidak dilihat selari memandangkan anaknya

Herviano Widyatama masih bergelar mahasiswa dan berumur 19 tahun mendapat wang secara kredit berjumlah Rp. 57 bilion dari Pacific Blue International Limiter (Dick& Mulholland: 2016).

Akhirnya, KPK dalam sidang tersebut, hakim Sarpin telah memenangkan Budi Gunawan. Mengaitkan Budi Gunawan dengan skandal rasuah dianggap tidak sah oleh hakim Sarpin. Keputusan daripada KPK ini mengundang kontrovesi dalam menilai kebersihan yang wujud dalam institusi tersebut. Impak terbesar daripada ketidakmampuan Jokowi dalam menyelesaikan konflik yang melibatkan KPK adalah bertahannya amalan rasuah elit oligarki di bawah tampuk pemerintahan beliau. Masalah ini mengundang pandangan negatif terhadap pimpinan Jokowi yang pada awalnya ingin menghalang amalan rasuah di bawah pentadbirannya.

Oligarki di bawah Jokowi dalam aspek skandal rasuah ini boleh disimpulkan bahawa Jokowi bukan sepenuhnya lemah tetapi hanya menuruti atau diibaratkan sebagai boneka kepada oligarki dan elit politik yang menyokongnya. Secara perlahan-lahan ia mampu melakukan perkara yang sama diamalkan oleh elit oligarki terdahulu dengan menempatkan kroni dan orang-orang pilihannya dalam jawatan tinggi dan meyakinkan oligark untuk mendokong strategi yang dilaksanakan oleh beliau.

Kesimpulan

Kajian ini merungkai mengenai oligarki politik dalam pemerintahan Jokowi yang merupakan presiden Indonesia yang ketujuh. Hujah utama yang dikembangkan dalam kajian ini adalah menelusuri kepimpinan terdahulu bagi melihat perkembangan amalan ini dalam pemerintahan di Indonesia. Hal ini adalah kerana berdasarkan analisis telah menunjukkan bahawa kepimpinan Indonesia terdahulu telah menerapkan satu pola kerjasama dalam mengekalkan pengaruh oligarki politik dalam pemerintahan. Isu-isu oligarki politik dalam pemerintahan terdahulu telah menjadi faktor penyebab dalam pengukuhan amalan ini meskipun pemerintahan negara Indonesia yang ditadbir oleh Presiden Jokowi lantang melaungkan sebuah perubahan dalam kerajaan pemerintahannya kerana masih wujudnya kepentingan kolektif setiap pimpinan dalam menjaga sumber-sumber rente demi kelangsungan hidup mereka sebagai satu kumpulan. Dalam kajian ini penyelidik membuat rekonstruksi dan rekapitulasi atas dapatan-dapatan kajian dalam tesis ini dan menganalisisnya dalam konteks yang lebih luas.

Kajian ini berjaya merungkaikan timbulnya pengaruh oligarki politik dalam negara Indonesia menerusi pembahagian kerangka masa terhadap kepimpinan di Indonesia. Kerangka masa yang terbahagi kepada tiga ini adalah dalam melihat amalan ini yang begitu berpengaruh di Indonesia. Menerusi Orde Lama dalam pimpinan Soekarno, bibit-bibit munculnya pengaruh oligarki jelas turut terbina menerusi pemerintahan Soekarno namun, pengamalan itu dilihat lebih berkembang di era Orde Baru. Setelah kejatuhan Presiden Soekarno, Indonesia berada di bawah pimpinan Soeharto yang telah menyaksikan

perkembangan amalan ini. Kajian telah mendapati lambakan isu yang dapat dikaitkan terhadap wujudnya amalan oligarki ini semasa pemerintahan beliau. Hal ini dapat dibuktikan melalui penguasaan beliau mengukuhkan kekuasaan dalam tampuk pemerintahan Indonesia selama 32 tahun. Hasilnya, Orde Baru Soeharto tidak dapat dinafikan mengamalkan amalan yang bertentangan dengan nilai demokrasi negara Indonesia ketika itu. Oleh yang demikian, oligarki politik yang dilihat menjadi amalan menerusi setiap kepimpinan di Indonesia menjadi kayu ukur yang penting terhadap kajian ini. Reformasi yang digerakkan oleh pemimpin selepas Orde Baru yang di sokong kuat oleh rakyat Indonesia yang menginginkan wajah baru kepada sebuah negara yang demokrasi dan bebas daripada monopoli golongan elit pemerintah oligarki sekadar memberikan kehampaan. Hal ini dilihat apabila reformasi yang pada mulanya melakukan penghapusan tinggalan Soeharto, masih dibayangi dengan bibit-bibit amalan oligarki. Perhatikan kepada beberapa pimpinan terdahulu yang jelas mengamalkan oligarki politik dalam isu-isu yang telah dibincangkan.

Seterusnya, kajian terus diperincikan dalam konteks yang lebih kecil iaitu dalam melihat pemerintahan Jokowi. Jokowi menjadi aktor terpenting terhadap dapatan kajian ini, hal ini adalah kerana beberapa faktor. Pengkaji memilih untuk mengkaji oligarki politik dalam pemerintahan Jokowi kerana melihat kepada populariti yang diraih oleh Jokowi menyebabkan beliau begitu disenangi oleh rakyat Indonesia. Nilai tambah yang menyumbang terhadap faktor melihat oligarki politik dalam pemerintahan Jokowi adalah kerana latar belakangnya yang berbeza serta agenda transformasi yang dirancang oleh Jokowi menempatkan diri beliau berbeza berbanding pimpinan sebelumnya. Oleh yang demikian, setelah diteliti melihat kepada pembangunan serta pembaharuan yang dibawa oleh Presiden Jokowi, kajian melihat masih wujudnya oligarki politik dalam pemerintahannya.

Kajian ini telah mendasarkan oligarki politik sebagai tunjang utama yang diangkat dalam melihat lanskap serta perpektif pemerintahan di Indonesia. Graf yang sama telah dapat dilihat meskipun berlaku perubahan dalam pemerintahan di Indonesia. Hal ini adalah kerana amalan oligarki politik dalam kalangan pemimpin yang bukan sahaja diamalkan dalam negara Indonesia malahan amalan oligarki politik ini turut dapat dilihat di hampir setiap negara di pelosok dunia. Hasilnya, amalan ini telah mengekang asakan pendemokrasian yang sepatutnya dimiliki oleh segenap masyarakat di dunia dalam menzahirkan sebuah pemerintahan yang berteraskan keadilan serta kesaksamaan bagi memperoleh kesatuan negara yang aman. Sebaliknya, amalan ini seterusnya merencatkan beberapa tampuk pemerintahan yang lain dalam memastikan proses demokrasi yang ideal dapat dicapai.

Penghargaan

Dengan rasa rendah diri, syukur alhamdulillah dirafakkan ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia dan nikmat-Nya telah memberi kekuatan serta kesihatan untuk jurnal ini dapat disempurnakan. Sepanjang tempoh menyempurnakan jurnal ini, pengkaji ingin mengambil kesempatan merakamkan sekalung penghargaan kepada setiap pihak yang terlibat atas kejayaan ini. Sesungguhnya segala sumbangan dan dorongan tidak mungkin dilupakan.

Ucapan jutaan kasih sayang dirakamkan buat ayahanda serta ibunda tercinta Abdul Latif Ismail dan Shadiah Sulaiman yang banyak berkorban serta tidak putus-putus mendoakan kejayaan terbaik untuk anaknya. Turut tidak ketinggalan kepada seluruh ahli-ahli keluarga atas sokongan yang diberikan. Tidak dilupakan buat nenda Noriah Sulaiman yang menjadi inspirasi dan aki tersayang, Allahyarham Sulaiman Ali yang telah kembali ke rahmatullah. Jika umurnya panjang, pastinya beliau berbangga dengan pencapaian ini.

Dedikasi khas buat penyelia tesis saya, Prof Madya Dato' Dr Mohammad Agus Yusoff atas dorongan, tunjuk ajar serta nasihat berharga sepanjang menyiapkan jurnal ini. Ucapan penghargaan turut ditujukan buat teman seangkatan yang menjadi tulang belakang sepanjang kajian ini. Jutaan terima kasih kepada semua individu di belakang tabir yang menyumbangkan idea serta pandangan dalam menghasilkan tesis ini.

Akhir kalam, ucapan terima kasih dan penghargaan atas dedikasi kepada semua yang terlibat dengan harapan anda diberkati lagi dirahmati Allah dalam kehidupan.

Rujukan

- Aghnia Adzkaa.(2015). WNI di Australia tagih Nawa Cita Jokowi soal Korupsi. <http://www.cnnindonesia.com/nasional/20150202071418-12-28876/wni-di-australia-tagih-nawa-cita-jokowi-soal-korupsi/> [diakses pada 11 November 2016].
- Dick, H. & Mulholland, J. The Politics of Corruption in Indonesia. *Georgetown Journal of International Affairs*, vol. 17 no. 1, 2016, pp. 43-49. *Project MUSE*.
- Lincoln, A.(1984). *The Man behind the Myths*. New York: Harper & Row.
- Reilly, B. 2007. Electoral and political party reform. Dlm. Ross H. McLeod & Andrew MacIntyre (pnyt.). *Indonesia: democracy and the promise of good governance*, hlm. 41-54. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Robert Klitgaard. (1988). *Controlling Corruption*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press, p.75.
- Robison, R., & Vedi R. Hadiz. (2004). *Reorganising power in Indonesia: the politics of oligarchy in the age of market*. London: RoutledgeCurzon.
- Robison, R., & Vedi R. Hadiz.. (2013). The Political Economy of Oligarchy and the Reorganization of Power in Indonesia. *Indonesia*,(96), 35-57.
- The Jakarta Post. (2014). *Setelah Kemenangan Jokowi*. 22 Julai 2014.